

BH 24 JUL 2003

# PM hargai usaha bantu rakyat kurang mampu jalani rawatan

PETALING JAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah pelbagai pihak mengumpul dana bagi tujuan perubatan dapat membantu pesakit menerima rawatan terkini, terutama yang berpendapatan rendah.

Perdana Menteri berkata, disebabkan kos rawatan sesetengah penyakit yang tinggi ketika ini, ia tidak memungkinkan pesakit, terutama golongan berpendapatan rendah, menerima rawatan terbaik bagi menyembuhkan penyakit mereka.

Beliau berkata, teknik rawatan yang digunakan begitu tinggi yang tidak mungkin dapat dibayangkan sebelum ini kerana perubahan yang berlaku dalam dunia perubatan begitu pantas.

"Jika saya kembali menjadi doktor zaman ini, saya mungkin 'hilang,'" katanya pada majlis Makan Malam Amal Yayasan Hepar Malaysia (YHM) 2003 di Hotel Sunway Lagoon di sini malam tadi.

Dr Mahathir yang juga penaung YHM, berkata fenomena golongan miskin tidak mampu mendapatkan rawatan akibat kos yang tinggi, bukan saja berlaku di negara sedang membangun, malah turut dihadapi penduduk negara maju.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Presiden YHM, Datuk Dr Mohd Ismail Marican serta lebih 1,500 tetamu.

Sehubungan itu, katanya, usaha YHM mengumpul dana bagi membantu pesakit amat dihargai kerana ia sudah tentu dapat membantu pesakit yang memerlukan.

Dr Mahathir berkata, daripada pengalamannya sebagai doktor ketika zamannya, tiada rawatan bagi merawat penyakit hepar melainkan kematian.

"Saya sendiri pernah merawat abang ipar saya yang datang ke klinik saya dan selepas diperiksa didapati abang saya menghidap barah hati dan ia didapati amat menyedihkan jika pesakit itu seorang yang anda kenal rapat," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menerima RM450,000 daripada pelbagai syarikat sebagai sumbangan tabung YHM. Daripada jumlah itu, RM250,000 disumbang oleh Kumpulan Sunway, Yayasan MK (RM100,000) dan Yayasan LSHB dan KLSB (RM100,000).

Yayasan Hepar Malaysia adalah sebuah pertubuhan amal tanpa keuntungan bagi mencegah, merawat dan menyembuh penyakit hepatitis dan penyakit hepar yang lain melalui penyelidikan dan pendidikan.

Kini kira-kira 2.5 juta rakyat Malaysia dikenal pasti dipercayai menghidap penyakit hepatitis dan kebanyakan daripada mereka terperanjat apabila diberitahu mereka menghidap penyakit itu.

YHM berharap dapat menyebarkan maklumat penting mengenai penyakit hepatitis kepada orang ramai serta mengendalikan kursus latihan dan memperoleh pembiayaan bagi tujuan penyelidikan mengenai penyakit hepar hepatodiliari.